

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2018  
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

**YBrs. PUAN SITI ZALEHA BINTI IBRAHIM, S.M.S  
PENGARAH  
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

**BERTEMPAT DI  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (PEREMPUAN) BUKIT KUDA  
KLANG, SELANGOR**

**31 Oktober 2018**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima Kasih diucapkan kepada puan pengurus majlis.

Yang Berbahagia, Puan Rubi'ah Binti Hayat  
Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bukit Kuda Klang

En Mohd Sahrilnizan Bin Zainal  
Pegawai Pendidikan Daerah Klang

Tuan Haji Azman Bin Talib  
Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset), Bahagian Penjanaan Tenaga  
Nasional Berhad

Tuan Haji Muhammad Uzir Aspar  
Pengarah Urusan TNB Connaught Bridge Sdn. Bhd., Klang

Guru-guru kanan, guru-guru SMK (P) Bukit Kuda, Klang,  
Pegawai-pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor,  
Pegawai-pegawai TNB, pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri  
Selangor,  
Wakil media massa dan pelajar-pelajar sekalian.

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurniaNya maka kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di dalam Majlis Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dengan kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor, TNB Connaught Bridge Sdn., Bhd. Klang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Bukit Kuda, Klang..
  
2. Seterusnya sukacita saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Pengetua Sekolah SMK (P) Bukit Kuda dan warga sekolah kerana telah bersungguh-sungguh untuk menganjurkan program ini, serta memberi kebenaran kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan penganjur bersama untuk melaksanakan majlis sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018 Peringkat Negeri Selangor.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak TNB Connaught Bridge Sdn Bhd selaku Rakan Strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor yang turut mengambil bahagian secara aktif di dalam penganjuran program pada hari ini. Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat.
4. Untuk makluman, Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 21 Oktober setiap tahun adalah bertujuan untuk membudaya dan memupuk kesedaran di kalangan masyarakat terhadap kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tema Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun 2018 ialah **“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”** yang bertujuan menanam sikap tanggungjawab di kalangan semua rakyat Malaysia bagi memastikan alam sekitar sentiasa bersih dan berkualiti.

Hadirin sekalian,

5. Majlis pada pagi ini juga menunjukkan tanda sokongan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor terhadap kempen *“Lets Breakup With Single-use Plastic”* di Peringkat Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim.

Lebih kurang 500 bilion ke 1 trilion beg plastik digunakan serata dunia. Ini bermaksud lebih sejuta beg plastik dalam seminit dihasilkan dan berbilion-bilion beg ini akan menjadi sampah. Menurut Jabatan Pengurusan Sisa

Pepejal Negara, sumber buangan kedua terbesar negara ialah plastik dan seperti yang sedia maklum sisa plastik yang telah digunakan mengambil masa beratus tahun untuk diuraikan.

6. Isu pada masa kini ialah manusia menggunakan plastik dan membuangnya di merata-rata tempat tanpa memikirkan impak yang akan berlaku, sekiranya plastik tidak dilupuskan dengan cara yang betul. Pencemaran udara boleh berlaku apabila ada pihak mengambil jalan mudah dengan membakar sampah sarap, sebagai cara yang cepat untuk melupuskannya di mana boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesihatan. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, terdapat beberapa kaedah yang boleh kita ambil untuk meminimumkan kadar penggunaan plastik. Di antaranya ialah kitar semula atau memproses bahan buangan plastik bagi membolehkannya digunakan semula. Melalui cara ini, kitaran semula buangan bahan plastik seperti beg plastik, botol plastik dan pembalut plastik boleh mengatasi masalah kekurangan tempat pelupusan sampah.

7. Selain itu, pelbagai usaha telah dijalankan di serata dunia bagi mengatasi masalah pencemaran plastik. Antaranya pada 6 Disember 2017 yang lepas, lebih dari 200 negara telah menandatangi resolusi PBB di Nairobi, Kenya yang bertujuan untuk menghentikan pencemaran plastik di laut. United Nation Environment Programme (UNEP), melaporkan ada sekitar 8 juta ton plastik, termasuk botol dan lain-lain jenis sampah berbentuk plastik yang dibuang ke laut setiap tahun dan ini telah mengancam kehidupan marin seperti ikan paus atau penyu yang mati akibat daripada memakan plastik yang tidak dapat diuraikan.

8. Di Negeri Selangor, Hari Tanpa Beg Plastik yang dijalankan oleh Kerajaan Selangor adalah bertujuan menyemai semangat cintakan alam sekitar dengan cara mengurangkan penggunaan plastik. Dengan harapan, ini mampu dijadikan tabiat harian bagi penduduk di Selangor. Kempen ini dilihat boleh memberi impak yang positif kepada alam sekitar bukan sahaja untuk masa sekarang, malah untuk generasi akan datang.

Guru-Guru dan Pelajar-pelajar sekalian,

9. Kita sebagai masyarakat juga mampu memainkan peranan penting untuk membasmi pencemaran plastik dan antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan penggunaan beg plastik adalah seperti berikut:

- 1) Bawa beg sendiri ketika membeli-belah
- 2) Rancang pembelian, elakkan pembelian barang yang tidak perlu.
- 3) Kitar semula beg plastik secara kreatif.
- 4) Bawa bekas mengisi makanan sendiri apabila membeli makanan untuk dibawa pulang.
- 5) Sokong, bantu dan libatkan diri dalam Program Kitar Semula.
- 6) Sampah sarap selain plastik, cubalah untuk dikitar semula . Ini juga antara cara mengurangkan masalah tempat pelupusan sampah serta dapat mengurangkan atau menjimatkan penggunaan plastik sampah. Perkara ini demikian kerana hampir setiap hari orang akan membuang sampah sarap dengan membungkusnya didalam plastik sampah.

Hadirin sekalian,

10. Selain daripada kita membincangkan isu pengurusan buangan plastik, saya juga ingin mengajak semua yang ada di sini untuk turut menitikberatkan pengurusan ‘E-Waste’.

*E-Waste* adalah merujuk kepada semua jenis peralatan elektrik dan elektronik yang dibuang oleh pengguna. Contoh buangan elektrik dan elektronik adalah seperti :

- Television (*CRT, Flat Screen*) ;
- Mesin Basuh ;
- Peti Sejuk (*refrigerator*) ;
- Telefon bimbit ;
- Komputer Personal (*desktop/laptop/tablet*) ; dan
- Penghawa Dingin.

Buangan-buangan ini adalah dikategorikan sebagai Buangan Terjadual, *electrical and electric wastes*, kod SW110 yang perlu diuruskan mengikut Peraturan Buangan Terjadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

11. Di peringkat Negeri Selangor satu Jawatankuasa Pelaksanaan Program E-waste Alam Alliance telah ditubuhkan yang terdiri daripada JAS, Pihak Berkuasa Tempatan, wakil retailer, premis yang dilesenkan, wakil pusat pengajian tinggi, UPEN dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) iaitu:

- i. Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan akan mengenalpasti Pusat Kitar Semula di kawasan masing-masing, di mana Pusat Kitar Semula ini akan bertindak sebagai pusat pengumpulan (collection center) bagi buangan e-waste yang diterima daripada orang ramai.
- ii. Buangan ini kemudian akan diambil oleh syarikat yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan kitar semula bagi bahan-bahan yang dikenalpasti seperti logam dan plastic, dan bahan buangan yang tidak boleh lagi dikitar semula akan dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan.

Usaha ini mendapat sokongan daripada premis pemerolehan kembali buangan e-waste yang dilesenkan oleh JAS bagi menjayakan program ini melalui kempen kutipan e-waste sepetimana yang dibuat oleh syarikat T-Pot Electrical & Electronics Sdn. Bhd. Pada hari ini.

Tuan-tuan, puan-puan dan para pelajar sekalian,

12. Kita semua hendaklah berganding bahu dalam merealisasikan objektif tema sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada kali ini dengan aktiviti-aktiviti kesedaran penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar yang melibatkan pelbagai lapisan mesyarakat. Melalui program-program kesedaran seperti ini, diharap kita semua dapat menghargai keindahan dan keunikan alam ini. Jesteru, kita akan terus berusaha untuk memelihara dan mengekalkan kecantikan dan kebersihan alam sekitar di kawasan masing-masing. Ilmu dan pengalaman yang diterima sepanjang program ini diharapkan tersemat di dalam hati sanubari, diamalkan dalam kehidupan seharian dan disampaikan kepada ahli keluarga dan rakan di luar sana.

13. Setiap di antara kita mempunyai amanah untuk memulihara alam sekitar dengan memainkan peranan sebagai rakan kepada alam sekitar untuk turut bersama-sama menangani isu-isu pencemaran alam sekitar, mengambil tindakan yang positif, dan menjaga aset bumi yang tuhan telah anugerahkan.

Para hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, sukacita saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih sekali lagi kepada pihak sekolah, pengajur bersama TNB Connaught Bridge Sdn Bhd, urusetia daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan semua pihak yang telah bekerjasama menjayakan sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018, Peringkat Negeri Selangor pada kali ini.

Kepada semua pelajar yang menyertai program pada hari ini, saya ucapkan syabas dan tahniah kerana telah melibatkan diri secara aktif dan saya yakin bahawa Sek Men Keb (Perempuan) Bukit Kuda boleh melahirkan ramai pelajar yang seimbang dari segi kecemerlangan akademik dan tanggungjawab kepada bumi.

15. Akhir sekali, dengan rasa sukacitanya, saya dengan ini merasmikan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2018, Peringkat Negeri Selangor.

Sekian, wassalamualaikum wbt. Terima kasih.